

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI TIONG KING SING**  
**[BINTULU]**  
**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 58**

**Y.B. DATUK SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam mengatasi masalah kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia yang semakin serius.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 8 Julai 2019, ringgit telah menyusut nilai sebanyak 0.2% berbanding dolar AS. Prestasi ringgit ini adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -6% dan 4.9% berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit didorong oleh kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan prospek pertumbuhan ekonomi global dan ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik.
2. Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan yang penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan pertumbuhan ekonomi Malaysia.
3. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan yang mencukupi, pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran. Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir.
3. Pada masa yang sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP  
[PENSIANGAN]**

**TARIKH : 17.7.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 59**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status cadangan menaik taraf jalan Ke Pamuntarian di daerah Nabawan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan Projek Naiktaraf Jalan ke Pamuntarian, Nabawan, Sabah tidak tersenarai di bawah RMKe-11. Yang Berhormat boleh memohon kepada Kerajaan Negeri untuk menyenaraikan projek-projek ini sebagai senarai keutamaan dan pihak Kementerian akan meminta Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah menjalankan siasatan tapak dan semakan kos sebelum dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan oleh MEA dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP  
[ PENSIANGAN ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 60**

**TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP [ PENSIANGAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah kuarters yang baharu di Klinik Kesihatan Nabawan akan siap dibina dan boleh diguna oleh anggota Klinik.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Projek Klinik Kesihatan (Jenis 4) dengan X-Ray dan Kuarters, Nabawan dilaksanakan secara 2 Fasa di mana Fasa 1 melibatkan Kerja Pembinaan Klinik Kesihatan dan Fasa 2 melibatkan Kerja Pembinaan Kuarters. Fasa 1 projek ini telah siap sepenuhnya pada 5 September 2016 dan telah memulakan operasi pada 5 Disember 2016. Fasa 2 projek ini yang melibatkan pembinaan kuarters telah memulakan Fasa Pembinaan pada 25 November 2016 dengan Tarikh Siap Semasa adalah pada 30 September 2019. Pada masa kini, Kemajuan Fizikal Sebenar projek adalah 87.11% iaitu menyamai jadual. Kementerian ini bersama Jabatan Kerja Raya dan Agensi-agensi Kerajaan yang lain sentiasa bekerjasama dengan erat bagi memastikan projek ini berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 61**

**DR AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]** minta **MENTERI KESIHATAN** jumlah Pegawai Perubatan yang telah tamat latihan siswazah tetapi belum mendapat penempatan di Kementerian Kesihatan. Apakah rancangan Kementerian dalam menyelesaikan isu doktor yang gagal mendapat jawatan tetap dengan Kementerian Kesihatan.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Berdasarkan sejumlah 769 permohonan lantikan tetap/kontrak yang diterima daripada pegawai yang telah menamatkan latihan siswazah dengan jayanya, kesemuanya telah mendapatkan penempatan bagi menjalani khidmat wajib.

Daripada jumlah tersebut, seramai 468 pegawai telah dipertimbangkan pelantikan tetap oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan diberikan penempatan baharu. Manakala, sebanyak 51 pegawai lagi telah ditawarkan pelantikan secara kontrak untuk tempoh dua tahun lagi. Manakala, baki seramai 250 pegawai lagi telah memulakan khidmat wajib di penempatan semasa mulai tarikh pendaftaran penuh dan masih menunggu keputusan pelantikan tetap/kontrak daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Selaras dengan dasar yang telah ditetapkan, pegawai yang tidak berjaya dipertimbangkan pelantikan tetap buat kali pertama selepas latihan siswazah, pegawai boleh diberi peluang kedua untuk dipertimbangkan pelantikan tetap dalam tempoh pegawai menjalani khidmat wajib. Walau bagaimanapun, pelaksanaan ini masih tertakluk kepada kekosongan jawatan semasa dan pertimbangan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Bagi pegawai yang tidak berjaya dilantik secara tetap, mereka boleh mendapat peluang pekerjaan di agensi awam lain seperti di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertahanan dan juga sektor swasta.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI  
BIN TUANKU JAAFAR [ SANTUBONG ]**

**TARIKH : 17 JULAI 2019**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan jumlah kedatangan pelancong menurun dengan mendadak dan apa puncanya. Betulkah tahap langganan hotel (*occupancy rate*) menurun hingga 30% di seluruh negara semenjak 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tahun 2018, sejumlah 25,832,354 orang pelancong asing telah melawat Malaysia berbanding tempoh yang sama tahun 2017 iaitu penurunan sebanyak -0.4%. Antara sebab-sebab yang memberi kesan kepada ketibaan pelancong asing adalah seperti berikut:

1. keadaan trafik yang sentiasa sesak di Tambak Johor menyebabkan pelancong dari pasaran Singapura berubah arah ke destinasi lain;
2. kekangan peruntukan kewangan bagi program-program promosi Tourism Malaysia (TM) berbanding dengan negara-negara jiran yang aktif meningkatkan usaha-usaha promosi pelancongan dengan peruntukan yang lebih tinggi telah mengurangkan *visibility* Malaysia; dan
3. kekurangan penawaran tempat duduk penerbangan terus antarabangsa ke Malaysia berbanding dengan Singapura dan Thailand. Sehingga bulan April 2019, penawaran tempat duduk penerbangan ke

Malaysia ialah sebanyak 2,704,652 tempat duduk dengan kekerapan penerbangan sebanyak 13,573 seminggu, Singapura menawarkan 3,438,156 tempat duduk dengan kekerapan penerbangan sebanyak 15,325 seminggu dan Thailand menawarkan 4,293,936 tempat duduk dengan kekerapan penerbangan sebanyak 20,628 seminggu. Sebanyak 68 buah syarikat penerbangan yang mempunyai perkhidmatan penerbangan ke Malaysia, 129 ke Thailand dan 79 ke Singapura.

Berdasarkan kepada hasil Kajian Kadar Purata Penginapan Bagi Penginapan Berbayar (*Hotel & Service Apartment*) yang dijalankan oleh Tourism Malaysia, jumlah kadar purata penginapan (*Average Occupancy Rate*) di seluruh Malaysia menunjukkan peningkatan positif 0.2 mata peratusan (m.p) iaitu dari 60.6 pada tahun 2017 ke 60.8 pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti di Jadual 1:

**Jadual 1: Kajian Kadar Purata Penginapan Bagi Penginapan Berbayar 2018**

NEGERI	2017	2018
KUALA LUMPUR	66.1	63.3
PUTRAJAYA	73.9	72.1
SELANGOR	60.3	57.2
PENANG	62.1	62.2
PERAK	46.3	44.1
KEDAH	60.3	56.1
PERLIS	35.4	31.0
NEGERI SEMBILAN	55.7	54.2
MELAKA	60.0	57.3
JOHOR	62.5	58.7
PAHANG	75.7	78.8
TERENGGANU	45.2	39.9
KELANTAN	43.8	44.1
SABAH	65.3	67.2
LABUAN	52.6	46.2
SARAWAK	52.6	48.9
<b>MALAYSIA</b>	<b>60.6</b>	<b>60.8</b>

**Sumber: Kajian Kadar Purata Penginapan Bagi Penginapan Berbayar, Tourism Malaysia**